

Penyampai : TAN SRI DATO SERI AHMAD SARJI BIN ABDUL HAMID  
Tajuk : UPACARA PELANCARAN LAPORAN TAHUNAN MPKSN 1993  
Lokasi : MAJLIS PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN SAINS NEGARA, KUALA LUMPUR  
Tarikh : 12-05-1994

MPKSN telah memutuskan supaya usaha-usaha Kerajaan dalam pembangunan sains dan teknologi termasuklah aktiviti-aktiviti bagi meningkatkan tahap R&D disebarkan untuk pengetahuan umum. Justeru itu laporan tahunan MPKSN telah diterbitkan buat pertama kalinya bagi tahun 1990- 1991 dan pada kali kedua bagi tahun 1992. Laporan yang dilancarkan pada petang ini adalah laporan tahunan MPKSN bagi tahun 1993 yang ketiga.

2. Dalam tahun 1993, beberapa kegiatan penting telah dilaksanakan dan beberapa keputusan utama bagi memajukan sains dan teknologi di negara telah dibuat oleh MPKSN. Daya usaha yang dijalankan sepanjang tahun 1993 telah digembelungkan ke arah mempertingkatkan keupayaan teknologi negara, iaitu tema laporan tahunan MPKSN pada kali ini.

3. Bagi tahun 1993, MPKSN telah menumpukan perhatian kepada lima isu utama, iaitu:

- (i) pembangunan sumber manusia dalam bidang sains dan teknologi;
- (ii) merangka semula peruntukan R&D serta sistem dan prosidur IRPA;
- (iii) mempertingkatkan pertalian di antara institusi penyelidikan sektor awam dengan sektor swasta;
- (iv) mempertingkatkan perdagangan R&D sektor awam; dan
- (v) pembangunan institusi (institutional building).

4. Memandangkan bahawa pembangunan sumber manusia sangatlah kritikal bagi menyokong perindustrian negara, MPKSN telah mengkaji semula program latihan siswazah sektor awam, terutamanya dalam bidang-bidang keutamaan sains dan teknologi. Hasil daripada perakuan MPKSN, Kerajaan telah; menambah bilangan program latihan dalam bidang kejuruteraan, sains dan teknologi; menambah bilangan tenaga pengajar/penyelidik dalam perkhidmatan untuk mengikuti kursus sarjana/kedoktoran/diploma lepas ijazah dalam bidang keutamaan; mengambilkira keperluan-keperluan khusus Universiti/institusi penyelidikan bagi kepakaran tertentu di dalam pemberian biasiswa; dan bersetuju dengan pelaksanaan program pengambilan saintis asing dan negara dari luar negeri, sebagai langkah jangka pendek untuk mengisi jurang kekurangan kepakaran yang dihadapi oleh sektor awam dan swasta. Satu skim insentif sedang deteliti bagi tujuan ini.

5. Berhubung dengan program penyelidikan IRPA atau Intensification of Research in Priority Areas MPKSN telah meluluskan RM 120.6 juta untuk 726 program penyelidikan bagi tahun 1993. MPKSN telah mengambil langkah untuk meningkatkan keberkesanan program IRPA dengan melaksanakan satu kajian bagi menilai semula program IRPA. Hasil daripadanya, MPKSN telah memutuskan supaya: sistem klasifikasi baru bagi semua projek-projek IRPA disediakan untuk mencerminkan objektif- objektif sosio-ekonomi serta bidang- bidang penyelidikan; satu sistem pengumpulan maklumat IRPA yang teratur dan kemaskini disediakan untuk memudahkan pengawasan kemajuan program IRPA; satu pengkalan data mengenai institusi-institusi di bawah IRPA diwujudkan; keupayaan "analytical" diperkembangkan di Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar untuk tujuan memperbaiki metodologi-metodologi klasifikasi, penyiasatan dan pengumpulan maklumat; dan mekanisme penyiaran maklumat diwujudkan untuk meningkatkan kesedaran mengenai program IRPA.

6. MPKSN telah terus berusaha untuk memperkukuhkan perhubungan sektor awam dengan industri. Dalam hubungan ini, MPKSN telah meluluskan cadangan untuk mewujudkan sistem penyelidikan kontrak yang bertujuan menggalakkan R&D yang berdorongan pasaran. Sistem ini bertujuan memudahkan institusi-institusi penyelidikan menjadi lebih berdikari ke arah status pembiayaan sendiri.

7. MPKSN juga telah meluluskan beberapa cadangan untuk memberi insentif kepada para pensyarah universiti dan penyelidik-penyelidik lain untuk menceburi bidang penyelidikan; galakan yang diberi akan dapat meningkatkan pelaksanaan R&D yang lebih peka terhadap keperluan pihak industri.

8. Idea daripada MPKSN supaya institusi-institusi penyelidikan memperdagangkan R&D telah mula mendatangkan hasil pada tahun 1993, di mana sejumlah 31 hasil penyelidikan telah dikemukakan oleh institusi penyelidikan dan institusi-institusi pengajian tinggi untuk diperdagangkan oleh Korporasi Pembangunan Teknologi Malaysia atau MTDC. Dari jumlah tersebut, tujuh telah berjaya diperdagangkan dan bakinya masih dalam pertimbangan dan mempunyai potensi perdagangan yang baik.

9. Selain dari pembangunan infrastruktur bagi S&T, pembangunan institusi juga adalah penting untuk memperkukuhkan lagi usaha-usaha pemindahan pemindahan teknologi dan meningkatkan keupayaan R&D negara. Dalam tahun 1993 atas perakuan MPKSN, Kerajaan telah meluluskan penubuhan Akademi Sains Malaysia, yang akan menjadi pusat kecemerlangan bagi sains dan teknologi di negara ini.

10. Dalam semangat "Malaysia Incorporated" MPKSN akan terus berunding dengan sektor swasta dalam hal-hal berkaitan dengan pembangunan sains dan teknologi di negara ini. Pada petang ini, MPKSN akan mengadakan Majlis Dialog dengan pertubuhan- pertubuhan saintifik bukan Kerajaan. Majlis ini telah diadakan pada pertama kali pada Jun 1992, kali keduanya pada tahun yang lalu dan bagi kali ketiganya pada petang ini. Oleh kerana sambutan yang sangat menggalakkan pada tahun lalu, Majlis Dialog ini akan diadakan sekali dalam enam bulan mulai tahun ini. Pada tahun lalu MPKSN telah membincang dan menerima cadangan daripada pihak NGO mengenai isu kekurangan tenaga jurutera, penubuhan pusat sumber sains dan teknologi dan program galakan sains dan teknologi negara.

11. Saya dengan rasminya melancarkan Laporan Tahunan MPKSN 1993.